


Bengkel Kepimpinan Mahasiswa & Mahasiswi UniMAP

 Ibrahim Din

Bermula 5 - 6 September 2009, satu Bengkel Kepimpinan telah dianjurkan oleh Unit Latihan & Pembangunan Pelajar bertempat di Darulaman Suite, Bandar Baru Darulaman, Jitra, Kedah. Antara pengisian program yang telah dijalankan ialah Latihan Dalam Kumpulan dan juga ceramah tentang Kepimpinan. Seramai 35 orang pelajar telah mengikuti program ini. Mereka terdiri dari pelbagai bidang pengajian. Antara tujuan utama penganjuran program ini ialah untuk mencungkil bakat-bakat kepimpinan di kalangan para pelajar.

Taklimat program telah disampaikan oleh Cik Azilawati Suanda merangkap Pengarah Program. Penekanan tentang ketepatan masa dan disiplin telah ditekankan oleh beliau. Beliau juga turut menyatakan tentang objektif program dan berharap agar semua para peserta dapat menjayakannya. Selepas taklimat program disampaikan, aktiviti ice-breaking turut diadakan bagi memecahkan tembok jurang sesama mereka. Beliau telah dibantu oleh salah seorang fasilitator iaitu Cik Shazliza Zakaria bagi menjalankan aktiviti ini.

Ceramah pertama telah disampaikan oleh seorang kaunselor jemputan dari MRSM Kubang Pasu iaitu En. Samsudin Mahmud. Beliau telah menerangkan dengan mendalam tentang apa itu erti kepimpinan dengan mendalam dan juga telah mengadakan beberapa ujian personaliti

terhadap semua peserta. Selain itu juga, beliau turut memberi petua untuk mengenali personaliti seseorang berdasarkan pelbagai aspek penilaian.

Dekan HEPA turut meluangkan masa bersama para peserta. Satu majlis berbuka puasa telah diadakan bagi mengeratkan hubungan antara pelajar dengan Dekan HEPA.

Di sebelah malam pula, seorang penceramah telah dijemput dari Putrajaya iaitu Dr. Idris b. Md. Noor. Beliau merupakan Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Latihan Biro Tatanegara, Jabatan Perdana Menteri. Beliau telah menjelaskan segala isu-isu yang timbul di dalam negara. Sebelum ini para peserta hanya mendapat info dari internet dan surat khabar sahaja. Banyak fakta dan pendapat telah di tunjukkan oleh Dr. Idris. Kebanyakan para peserta terkejut dengan penerangan yang telah diberikan. Pelbagai pertanyaan telah diajukan oleh para peserta bagi mengetahui keadaan sebenar di dalam Negara.

Keesokan harinya, sesi Latihan Dalam Kumpulan telah dijalankan. Para peserta



dibahagikan kepada empat kumpulan. Sesi ini dikendalikan oleh lima orang fasilitator jemputan. Aktiviti taaruf merupakan permulaan sesi latihan. Selepas itu, setiap kumpulan telah diberi beberapa isu untuk dibincangkan di dalam kumpulan. Slot petang merupakan ujian sebenar para peserta mempertahankan hujah dan fakta bagi isu yang diberikan. Ia menguji kemampuan setiap peserta. Setiap ahli kumpulan dikehendaki berhujah. Semasa sesi ini para fasilitator telah menggunakan kaedah provokasi bagi mengesan kemampuan pelajar untuk berhujah. Tahap kemampuan dan ciri-ciri kepimpinan akan terungkap. Sesi ini bertambah panas dengan penglibatan Dekan HEPA sehingga berlanjutan lewat petang.

Majlis penutup program telah disempurnakan oleh Dekan HEPA selepas selesai berbuka puasa. Ternyata program ini telah dapat mencungkil beberapa bakat kepimpinan yang terdapat di dalam diri para peserta.

